

*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**9 Ogos 2020**

1. 5,000 penduduk Taman Jasmin diancam anjing liar
2. MAHA 2020 dalam norma baharu
3. Arnab Makan sikit sahaja

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

# KERATAN AKHBAR

Tarikh: 9 Ogos 2020

Media Cetak/Elektronik	Kosmo	Catatan:
Ruangan	Negara	
M/Surat	15	
Perkara	Kawalan penyakit	

## 5,000 penduduk Taman Jasmin diancam anjing liar

**KAJANG** – Kira-kira 5,000 penduduk Taman Jasmin di sini berhadapan isu lambakan anjing liar yang mengancam keselamatan mereka sejak enam tahun lalu.

Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Jasmin, Zainal Abidin Ibrahim berkata, masalah itu tidak kesudahan walaupun pihak berkuasa tempatan telah beberapa kali cuba menanganinya.

"Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) pernah beberapa kali masuk ke kawasan kami bagi menangkap anjing-anjing liar di sini, namun anjing liar masih ada.

"Anjing-anjing ini 'cerdik' kerana akan lari bersembunyi apabila MPKJ datang. Penduduk tidak berani ambil tindakan sendiri kerana khuatir dikenakan tindakan



**BEBERAPA** ekor anjing berkeliraran di Taman Jasmin, Kajang kelmarin.

undang-undang," katanya kepada *Kosmo!* Ahad kelmarin.

Zainal Abidin berkata, beliau dimaklumkan beberapa pen-

duduk Taman Jasmin pernah dikejar anjing liar hingga terjatuh dan cedera.

Katanya, penduduk turut me-



**ZAINAL ABIDIN**

ngadu anjing liar pernah mengejar kanak-kanak sekali gus meresahkan ibu bapa tentang keselamatan anak-anak mereka.

Menurutnya, lambakan anjing liar di Taman Jasmin dipercayai berpunca daripada kawasan projek berhampiran.

"Mereka bela anjing jaga tapak projek. Haiwan itu ditinggalkan selepas projek selesai dan kemudian beranak," katanya.

Sementara itu, penduduk Taman Jasmin yang hanya mahu dikenali sebagai Ajibob, 40, berkata, selain anjing liar terdapat anjing belaian dibiarkan bebas oleh pemilik.

Ujarnya, perbuatan tersebut tidak sepatutnya berlaku kerana dikhuatiri mengancam keselamatan penduduk lain.

"Saya berharap pihak berkuasa dapat melakukan sesuatu untuk menangkap semua anjing ini demi keselamatan penduduk," katanya.

# KERATAN AKHBAR

Tarikh: 9 Ogos 2020

Media Cetak/Elektronik	Kosmo	Catatan:
Ruangan	Negara	
M/Surat	14	
Perkara	MAHA 2020	



AHMAD Hamzah (dua dari kiri) merasmikan Program Melabuh Unjam, Pakej Rangsangan Ekonomi di Jeti Nelayan Umbai, Serkam semalam.

## MAHA 2020 dalam norma baharu

**MELAKA** – Penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Malaysia (MAHA 2020) yang dijadual diadakan November depan akan dilaksanakan sepenuhnya dalam suasana norma baharu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, rancangan itu termasuk aktiviti jualan dan pameran yang akan dilaksanakan secara fizikal dan maya (virtual).

Menurutnya, perancangan itu diputuskan dalam Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), baru-baru ini.

"Bagaimanapun, kita masih lagi menunggu keputusan kera-

jaan, khususnya Majlis Keselamatan Negara (MKN) sama ada membenarkan penganjuran MAHA 2020 atau sebaliknya.

"Saya jangka penganjuran acara dwi-tahunan itu dapat pertimbangan baik daripada MKN kerana mampu membantu golongan peladang, penternak dan nelayan menjual hasil mereka," katanya selepas merasmikan Program Melabuh Unjam, Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) di Jeti Nelayan Umbai, Serkam di sini semalam.

Baru-baru ini, media melaporkan Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata, penularan Covid-19 di negara ini turut mengubah cara penganjuran MAHA 2020 apabila dijangka diadakan secara hybrid

antara 26 hingga 29 November ini.

Kerajaan juga bersetuju secara dasar dengan cadangan penganjuran MAHA 2020 yang akan diadakan secara fizikal dan maya (virtual).

Susulan itu, pihak pengurusan Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang, Selangor akan menyediakan garis panduan yang perlu dipatuhi untuk penganjuran pameran pertanian terbesar negara itu.

Ia termasuk hanya peserta yang diberi kad jemputan sahaja dibenarkan masuk ke tapak pameran, manakala kehadiran mereka perlu direkodkan.

Peserta-peserta antarabangsa pula hanya dibenarkan terbabit secara dalam talian.

# KERATAN AKHBAR

Tarikh: 9 Ogos 2020

Media Cetak/Elektronik	Metro Ahad	Catatan:
Ruangan	Xpresi	
M/Surat	34-35	
Perkara	Usahawan	

**IBU arnab menjaga anak yang baru dilahirkan.**

**ANAK arnab yang baru dilahirkan.**

**AGRO**  
Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus  
asmaini@nstp.com.my

Sambutan menggalakkan terhadap daging arnab mendorong anak muda. Mohamad Rizal Adha Mohd Johari, 27, memternak haiwan berkenaan secara komersial sejak empat tahun lalu.

Bermula sebagai hobi, Mohamad Rizal yang juga bekas kakitangan kerajaan kini sudah memasarkan lebih 3,000 ekor arnab ke seluruh negara.

Kata Mohamad Rizal, dia membeli baka tempatan jenis New Zealand White dan kemudian membiakkan haiwan itu di belakang rumahnya di di Kampung Tok Machang Ulu Gali, Raub, Pahang.

Katanya, memternak arnab pedaging mudah dan tidak memerlukan modal atau perbelanjaan makanan yang terlalu besar berbanding ternakan lain seperti ayam, itik serta kambing.

"Arnab jenis baka New Zealand White juga memiliki lebih banyak daging berbanding jenis lain.

"Seekor arnab jenis itu boleh mencapai berat kira-kira dua kilogram (kg), namun selepas diproses (dicuci) beratnya hanyalah sekitar 1.1 kg.

"Dagingnya dijual sekitar RM35 sekilogram," katanya kepada Agro.

Menurut Mohamad Rizal, pihaknya tidak menyangkan memenuhi permintaan pasaran daging arnab kerana hanya mampu menyediakan kira-kira 150 hingga 200kg setiap bulan.

Katanya, dia menjual kepada peraih untuk pasaran sekitar Selangor.

"Daging arnab kini semakin digemari masyarakat, ada restoran yang menyajikan hidangan sate arnab, arnab salai, arnab golek dan sebagainya.

"Ia menjadi pilihan ramai kerana isinya lembut dan manis," katanya.

Kata bapa kepada empat anak itu lagi, kos untuk makanan bagi seekor arnab sehingga mencapai usia yang sesuai untuk dijual atau disembelih adalah sekitar RM12 hingga RM15.

Menurutnya untuk daging arnab yang sesuai disembelih adalah berusia kurang tiga bulan kerana jika lebih daripada itu, isinya agak liat.

"Bagi arnab hidup untuk dijadikan baka pula, biasanya berusia antara dua hingga tiga bulan.

"Harganya juga berbeza iaitu RM50 bagi usia dua bulan dan RM70 untuk usia tiga bulan.

"Arnab induk yang sudah sedia dibiakkan pula berusia enam bulan

**Menternak arnab pedaging mudah, tidak perlu modal terlalu besar**


**'ARNAB MAKAN SIKIT SAJA'**

**MOHAMAD Rizal menunjukkan arnab baka New Zealand White yang diternakinya.**

**TERNAKAN arnab pedaging semakin mendapat perhatian**



**NETSBOX** untuk kemudahan ibu arnab menjaga dan menyusukan anak baru lahir.



**SANGKAR** khas untuk arnab induk.



**SANGKAR** yang dijual kepada orang ramai.

**Waktu makannya juga berbeza daripada haiwan ternakan lain iaitu hanya bermula pada sebelah petang hingga ke malam ketika cuaca tidak panas**

## **MOHAMAD RIZAL**

ke atas dan ia dijual RM250 seekor tidak kira jantan atau betina," katanya. Dalam pada itu, Mohamad Rizal berkata, arnab juga susah dijangkiti penyakit dan mudah dijaga kerana hanya makan dalam kuantiti yang sedikit setiap hari. Namun, katanya, dia

masih perlu memantau sekiranya arnab ternakannya mengalami cirit-cirit atau jangkitan kurap. "Dalam sehari, arnab hanya makan kira-kira 100 gram palet (dedak) dan selebihnya minum air. "Waktu makannya juga berbeza daripada haiwan ternakan lain iaitu hanya bermula pada sebelah petang hingga ke malam ketika cuaca tidak panas," katanya. Selain daging dan baka arnab, Mohamad Rizal turut menjual sangkar ternakan serta peralatan menternak haiwan berkenaan. Katanya, barangan asas peralatan terbahagi diimport dari China dan dipasang sendiri di rumahnya. "Paling laris adalah sangkar jenis bertingkat sama ada tiga atau empat tingkat yang sememangnya boleh menjimatkan ruang. "Terdapat juga 'netsbox' bagi kemudahan arnab betina menyusukan anak yang baru lahir dan semua barangan itu dijual menerusi dalam talian," katanya yang tetap yakin industri ternakan arnab pedaging mempunyai masa depan cerah di negara ini.